

17/04/1999

Pekerja lima badan berkanun ancam piket

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan (MBKSAYD) memutuskan untuk berpiket selama enam hari bermula 7 Jun depan berikutan kegagalan kerajaan meluluskan tuntutan pelarasan gaji kira-kira 10,500 kakitangan lima badan berkanun yang diasingkan.

Keputusan mengadakan piket itu dicapai pada mesyuarat yang dihadiri oleh 20 wakil kesatuan sekerja kelima-lima agensi yang terbabit di sini, hari ini.

Presiden MBKSAYD, Mohd Noor Abdullah, berkata, pada mesyuarat itu, majlis memutuskan untuk melaksanakan kerja menurut peraturan (work to rule) jika kerajaan masih enggan meluluskan tuntutan pelarasan berkenaan selepas tindakan piket itu.

Menurutnya, tindakan kerja menurut peraturan itu akan diadakan selama 15 hari bermula 13 Jun.

Katanya, kedua-dua tindakan itu akan diadakan serentak di seluruh negara oleh semua ahli kesatuan sekerja kelima-lima badan berkanun terbabit iaitu Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Bank Simpanan Nasional, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

"Sekarang kami serahkan kepada kerajaan. Apa yang kami mahukan ialah kerajaan meluluskan tuntutan pelarasan itu," katanya ketika dihubungi selepas mesyuarat itu.

Pekerja daripada lima badan berkanun itu mendakwa menerima gaji lebih rendah berbanding pekerja sektor awam lain sejak diasingkan daripada Skim Saraan Baru (SSB) mulai 1 Januari 1995.

Antara perbezaan ketara sistem gaji mereka dengan sistem SSB ialah kakitangan agensi berkenaan tidak menerima imbuhan tetap perumahan sebanyak RM90 serta elaun khidmat awam.

Tahun lalu, Perdana Menteri meminta kakitangan lima badan berkanun terbabit bersabar berikutan keputusan kerajaan menanggunghkan kelulusan tuntutan penyelarasan gaji mereka.

Dr Mahathir dalam surat jawapannya kepada memorandum yang dikemukakan Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan menjelaskan keputusan itu terpaksa diambil berikutan kegawatan ekonomi.

Bagaimanapun, baru-baru ini, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata tuntutan pelarasan gaji kelima-lima badan berkanun yang diasingkan itu sedang dalam pertimbangan.

Katanya, Perdana Menteri sudahpun mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengemukakan laporan berhubung tuntutan pelarasan untuk diputuskan Kabinet.

Mohd Noor berkata, keputusan untuk berpiket itu dibuat kerana majlis itu berpendapat tiada sebab mengapa kerajaan tidak dapat meluluskan pelarasan itu.

(END)